

19/04/2002

Kerajaan tetap tegas terhadap kumpulan militan

Mutazar Abd Ghani

BUKIT MERTAJAM, Khamis - Kerajaan akan terus bertindak tegas terhadap kumpulan berunsur militan, termasuk menahan mereka mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), bagi mengekalkan kestabilan dan keselamatan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata langkah pencegahan awal penting dan terbukti berjaya mengekang kegiatan berunsur militan yang bermatlamat untuk menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

"Siasatan polis terus berjalan. Jika ada penemuan atau maklumat baru mengenai peranan individu tertentu dalam kegiatan seumpama itu, kita mempunyai sebab cukup untuk menahan mereka mengikut ISA.

"Sekarang kita masih dapat mengawal keadaan menerusi langkah pencegahan awal yang kita ambil. Hari ini langkah yang kita ambil sudah pun diakui negara lain yang sebelum ini menentang tindakan itu.

"Kita bertindak dulu sebelum berlaku keganasan. Seperti pepatah Melayu beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perjumpaan dengan Umno Bahagian Bukit Mertajam di Hotel Summit Prescott di sini, hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri (KDN) mengulas tangkapan terbaru 14 ahli Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dalam operasi di Johor, Kuala Lumpur dan Selangor, sejak malam tadi hingga awal pagi ini.

Beliau berkata, tangkapan terbaru itu dibuat berdasarkan sebab dan asas sama dengan penahanan yang dilakukan sebelum ini.

Ditanya sama ada mereka yang ditahan itu dari kumpulan yang sama, Abdullah berkata:

"Kita bertindak berdasarkan maklumat yang dikumpul mengenai orang yang berkenaan. Kumpulan ini serupa juga kumpulan KMM."

Mengenai kempen mogok lapar yang dijalankan beberapa tahanan ISA, Abdullah berkata, tindakan itu semata-mata bertujuan mendapatkan simpati dan sokongan terhadap perjuangan mereka.

Bagaimanapun, katanya, perjuangan mereka tidak mendapatkan sokongan majoriti rakyat negara ini.

"Saya diberitahu oleh Ketua Pengarah Penjara, ada yang dah mula makan. Tindakan (mereka) mohon simpati semata-mata... minta belas kasihan dan sokongan. Nak tingkatkan lagi perjuangan mereka," katanya.

Mengulas permintaan Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM) agar kerajaan menambah peruntukan untuk bayaran saguhati kepada anggota polis yang berkhidmat ketika darurat, Abdullah berkata:

"Kita akan penuhi permohonan itu, jika ia (pemohon) memenuhi syarat yang ditetapkan."

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata Umno kini semakin bertambah baik dan orang Melayu yang sebelum ini lari daripada parti itu, mula menyertainya semula.

"Nampaknya, mereka lebih yakin dengan kita berikutan kejayaan kita mengurus negara bagi menangani cabaran ekonomi dan ancaman lain, termasuk militan. Semuanya ditangani dengan baik dan dengan itu, kita tetap dapat berada dalam keadaan aman dan makmur," katanya.

Pada sidang akhbar itu, Abdullah turut menerima memorandum bantahan kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin daripada Ketua Pemuda Umno Bukit Mertajam, Ramalan Ishak untuk disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)